

## Aplikasi Rasm Uthmani dalam Mashaf al-Quran Braille Malaysia (*Application of Uthmanic Orthography in Mashaf al-Quran Braille Malaysia*)

Mohd Nur Adzam Rasdi

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Norakyaree Mohd Raus

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

Noornajihan Jaafar

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia

### Abstrak

Penerbitan al-Quran Braille di Malaysia telah melalui beberapa fasa penting. Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah menerbitkannya buat pertama kali pada tahun 19997. Setelah beberapa tempoh ia digunakan, timbul isu ketidakselarasan antara teks al-Quran Braille dengan teks al-Quran bercetak yang digunakan oleh golongan tipikal. Antara sudut ketidakselarasan yang diberi tumpuan adalah pada aspek *Rasm*. JAKIM pada tahun 2022 dengan kerjasama KDN, PERTIS dan USIM telah berusaha untuk menyelesaikan isu ini dengan menerbitkan al-Quran Braille yang baharu yang mengandungi beberapa penambahbaikan dan modifikasi termasuklah daripada sudut *Rasm*. Kajian ini dibuat bagi meneliti teks Mashaf al-Quran Braille Malaysia daripada aspek *Rasm* dan mengenalpasti statusnya. Kaedah analisis dokumen diaplikasi dalam kajian kualitatif ini. Dapatkan kajian menunjukkan, bahawa ciri-ciri *Rasm 'Uthmani* telah diaplikasi pada kadar yang sesuai dengan tulisan Braille. Walau bagaimanapun kaedah penulisan Rasm Imla'i turut diguna pakai apabila terdapat kekangan dan masalah dalam kaedah penulisan.

Article Progress  
Received: 24 September 2023  
Revised: 08 October 2023  
Accepted: 22 October 2023

**Kata kunci:** Rasm Uthmani, al-Quran Braille, Penulisan al-Quran, mushaf

### Abstract

The publication of the Braille Quran in Malaysia has undergone several crucial phases. The Malaysian Islamic Association for the Blind (PERTIS) first published it in 1997. After a period of use, issues of inconsistency between the Braille Quran text and the printed Quran text used by the typical population emerged. One of the focus areas of inconsistency was in the aspect of *Rasm*. In 2022, JAKIM, in collaboration with KDN, PERTIS, and USIM, attempted to address this issue by publishing a new Braille Quran with various improvements and modifications, including from the perspective of *Rasm*. This study aims to examine the text of the Braille Quran in Malaysia from the aspect of *Rasm* and identify its status. The method of document analysis is applied in this qualitative study. The findings indicate that the features of the *Uthmani* script have been implemented appropriately in the Braille writing. However, the *Imla'i* script writing method is also used when there are constraints and issues in the writing process.

**Keywords:** Uthmani Script, Braille Quran, Quran Writing, Mushaf

## Pendahuluan

Al-Quran al-Karim adalah Kalamullah yang secara fitrahnya adalah keperluan buat umat manusia sepanjang zaman. Bersandarkan kepada keperluan ini, dengan rahmat serta kasih sayang Allah SWT terhadap manusia, maka al-Quran telah dijanjikan pemeliharaan yang abadi. Allah SWT telah menyifatkan kalamNya sebagai “..tidak dapat didatangi sebarang kepaluan dari mana-mana arah dan sudut; ia diturunkan dari Tuhan yang Maha Bijaksana lagi Maha Terpuji”.

لَا يَأْتِيهُ الْبَطْلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

(Al-Qur'an. Fuṣṣilat 41:42).

Sebarang pengurangan atau penambahan sama ada secara sengaja atau pun tidak adalah mustahil bagi al-Quran. Keadaan ini berbeza dengan keadaan kitab-kitab samawi yang diturunkan sebelumnya, yang mana ia semua tidak diberikan jaminan pemeliharaan seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT ke atas al-Quran “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan *al-Dhikr* (Quran), dan Kamilah pemelihara baginya”.

إِنَّا نَحْنُ نَرَأْلَنَا الْذِكْرَ وَإِنَّا لَهُوَ لَحَافِظُونَ ﴿٩﴾

(Al-Qur'an. Al-Hijr 15:9).

Al-Quran diriwayatkan melalui dua keadaan iaitu secara hafazan melalui talaqqi dan musyafahah dan juga melalui penulisan di dalam lembaran-lembaran *mushaf* al-Quran. Saidina Abu Bakar telah mengumpulkan kesemua teks al-Quran dalam sebuah *suhuf* kerana khawatir kehilangan ayat-ayat al-Quran akibat kematian para penghafaz al-Quran. Saidina Uthman pula telah menyalin beberapa naskhah al-Quran dengan satu bentuk penyelarasan lalu mengutuskannya ke beberapa wilayah utama Islam sebagai panduan khusus kepada umat Islam bagi mengelakkan isu perselisihan dalam penentuan teks al-Quran seperti yang berlaku dalam kalangan para tentera Islam di medan peperangan bagi pembukaan Azerbaijan (Muhammad Bakr Ismail, 1999; Mohd Yusuf Ahmad, 2000; Mohd Rahim Jusoh, 2008; Al-Kurdi, 2008; Al-Sabuni, 2011; Al-Hamad, 2016). Tindakan yang dilakukan oleh Saidina Uthman ini membuktikan bahawa keselarasan *mushaf* al-Quran sangat penting demi menjaga kesatuan umah. Semenjak penulisan teks al- al-Quran diselaraskan oleh Saidina Uthman, para ulama umah telah cuba mengekalkan bentuk dan sistem tulisan tersebut melalui penulisan *mushaf* yang tersendiri dan juga melalui pendokumentasian berkenaan sistem dan gaya penulisan yang dikenali sebagai *Rasm Uthmani*.

Pada hari ini, majoriti *mushaf* al-Quran yang ditulis di negara-negara Islam masih kekal diselaraskan dengan *Rasm Uthmani* walaupun terdapat perbezaan pada isu-isu cabang

penulisannya yang diaplikasi berdasarkan ijtihad dan kemaslahatan penduduk sesebuah negara. Beberapa negara Islam telah menjadikan *mushaf* terbitan Mujamma' Malik Fahd - *mushaf* Madinah, sebagai model bagi sistem penulisan teks *mushaf* al-Quran. Negara-negara seperti Morocco, Algeris, Tunis, Libya, Pakistan dan India pula mempunyai sistem penulisan yang hampir sama dengan sistem penulisan teks *mushaf* Mujamma' Malik Fahd dari sudut *rasm* namun terdapat perbezaan yang agak ketara dari sudut *dabt* kerana meraikan qiraat dan amalan penggunaan masyarakat setempat. Malaysia secara khasnya boleh dikatakan hampir seratus peratus mengikuti standard yang digunakan dalam *mushaf* terbitan Mujamma' Malik Fahd. Pihak Kementerian Dalam Negeri Malaysia (KDN) telah mengambil tanggungjawab untuk menjaga standard penulisan teks *mushaf* al-Quran di negara ini. Hasilnya terdapat keselarasan dalam *mushaf-mushaf* yang digunakan di negara ini sama ada bagi kegunaan awam mahu pun kegunaan rasmi seperti dalam bidang pengurusan dan pendidikan.

### **Al-Quran dengan Tulisan Braille**

Al-Quran Braille merujuk kepada gabungan dua perkataan iaitu al-Quran dan Braille. Al-Quran merupakan sumber rujukan utama ajaran Islam yang lengkap terkandung di dalamnya dasar-dasar utama agama Islam iaitu Akidah, Syariat dan Akhlak. Dari sudut bahasa, al-Quran bermaksud bacaan dan perkataan al-Quran itu berasal daripada perkataan Arab *Qira'ah* yang membawa maksud menghimpun huruf-huruf dan kata-kata, satu dengan yang lain dalam satu ucapan yang tersusun rapi (al-Zarqani, 1994). Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam surah al-Qiyamah:75:16-19 yang menuntut kepada setiap muslim untuk membaca, menghafaz, memahami dan seterusnya mengamalkan isi kandungan al-Quran dalam kehidupan seharian (Norakyairee dan Ab. Halim, 2011). Manakala dari sudut istilah pula, bolehlah kita simpulkan bahawa al-Quran adalah Kalam Allah SWT yang merupakan mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW dengan perantaraan Saidina Jibril AS, ditulis dalam *mushaf*, diriwayatkan secara mutawatir dan dikira sebagai satu ibadah bagi mereka yang membacanya, yang menjadi mukjizat walaupun dengan satu surah daripadanya. (Nuruddin 'Itr, 1993)

Manakala istilah Braille pula diambil sempena nama Louis Braille, seorang warga Perancis yang mengalami masalah penglihatan, pengasas tulisan berdasarkan penggunaan titik timbul bagi menggantikan huruf dan nombor sekitar abad ke sembilan belas yang dipanggil sebagai sel (*cell*) yang mempunyai enam titik dan dikenali juga sebagai kod Braille. Braille merupakan suatu sistem tulisan berdasarkan sentuhan yang digunakan pada hari ini oleh masyarakat seluruh dunia (Anisah, 2022).

Menurut Noor Najihan & Kauthar (2008) al-Quran Braille, adalah merujuk kepada *mushaf* al-Quran versi Braille yang menggunakan asas kod Braille Bahasa Arab yang mewakili huruf-huruf *Hijaiyyah*, tanda baris seperti *fathah*, *dammah*, dan *kasrah*, serta simbol-simbol seperti *shaddah*, *sukun*, *mad* dan sebagainya.

Secara lebih tepat lagi, istilah al-Quran Braille boleh didefinisikan sebagai mashaf al-Quran yang boleh dibaca dengan sentuhan, di mana elemen *Rasm* dan *Dabt*nya diwakili oleh kod-kod Braille yang berasaskan koordinasi dari enam titik, dalam masa yang sama sebahagian daripada elemen tersebut dimodifikasi dengan ciri-ciri khusus yang bersesuaian dengan keupayaan pembaca yang membaca tulisan secara sentuhan. Ini juga merupakan satu keunikan kerana dalam konteks penulisan teks mashaf al-Quran Braille terdapat beberapa cabaran dan halangan bagi membolehkan setiap daripada ciri *Rasm* dan *Dabt* ditranskripsi sepenuhnya ke dalam bentuk tulisan Braille (Mohd Nur Adzam, 2021).

### Pernyataan Masalah

#### **Kesan Penulisan Teks Al-Quran Braille Yang Tidak Selaras Dengan *Rasm Uthmani* Kepada OKU Penglihatan.**

Tidak semua individu dikurniakan nikmat dapat menggunakan *mushaf* al-Quran dengan tulisan bercetak. Terdapat golongan OKU penglihatan yang memerlukan *mushaf* al-Quran yang ditulis dalam versi Braille. Di Malaysia, *mushaf* al-Quran dalam versi Braille telah mula diusahakan oleh golongan OKU penglihatan untuk diterbitkan semenjak tahun 1994. *Mushaf* al-Quran versi Braille ini diterbitkan Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan akhirnya telah pun memperolehi pengesahan daripada pihak LPPPQ KDN pada tahun 1997 (Muhammad Mustaqim, 2014).

Mulai tahun 2006, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjadikan *mushaf* al-Quran Braille PERTIS ini sebagai *mushaf* yang diguna pakai dalam sesi pengajaran dan pembelajaran secara rasmi di sekolah-sekolah. Oleh kerana *mushaf* al-Quran Braille yang diterbitkan oleh PERTIS ini adalah salinan semula daripada *mushaf* al-Quran Braille terbitan Yayasan Kesejahteraan Tunanetra Islam (YAKETUNIS), Jogjakarta Indonesia, ia telah mengekalkan sistem penulisannya yang berasaskan *rasm imlai* (Muhammad Mustaqim, 2014). Selain itu, sistem penandaan (*dabt*) yang diaplikasi juga tidak selaras dengan sistem *dabt* yang diaplikasi dalam *mushaf* terbitan Mujamma' Malik Fahd. Situasi ini berlaku kerana proses penyalinan *mushaf* al-Quran Braille PERTIS ini tidak mendapat bantuan sewajarnya daripada para pakar ilmu penulisan al-Quran daripada kalangan masyarakat tipikal di Malaysia kerana faktor tiada kemahiran dalam ilmu penulisan Braille (Mohd Nur Adzam, 2023).

Kewujudan *mushaf* al-Quran versi Braille yang telah diusahakan oleh PERTIS ini sememangnya sangat membantu dalam memberi peluang kepada komuniti OKU penglihatan untuk berdamping dan membaca al-Quran. Namun begitu, beberapa isu telah timbul kemudian, khususnya apabila *mushaf* al-Quran Braille PERTIS ini dijadikan sebagai teks rasmi pembelajaran tilawah al-Quran bagi OKU penglihatan secara bersepada, terutamanya dalam arus pendidikan perdana.

Antara isu utama yang timbul adalah berlakunya perselisihan antara pengguna *mushaf* al-Quran Braille dengan *mushaf* bercetak dalam memahami kaedah aplikasi tajwid dalam teks al-Quran. Sebagai contoh dalam teks *mushaf* al-Quran Braille PERTIS, setiap *harakat* yang diikuti oleh huruf *mad* adalah dibuang sama sekali (Muhammad Mustaqim, 2013). Contoh yang lain pula seperti ketiadaan tanda *sifr mustadir* dan *sifr mustatil* (Mohd Nur Adzam, 2021). Bahkan dalam teks al-Quran Braille tidak diaplikasi perbezaan antara *tanwin* selari dengan *tanwin* tak selari seperti mana yang diaplikasi dalam *mushaf* al-Quran Standard Mujamma' Malik Fahd. Faktor-faktor perselisihan seperti ini membuatkan usaha untuk menginklusifkan pembelajaran al-Quran antara pengguna *mushaf* al-Quran bercetak dengan pengguna *mushaf* al-Quran Braille sangat mencabar kerana setiap kelompok memerlukan modul dan strategi pembelajaran yang berbeza.

Dari satu sudut lain, wujud implikasi akibat ketiadaan penyelarasan bagi kedua-dua teks *mushaf* ini. Sebagai contoh, aktiviti tilawah atau lebih popular sebagai tadarus, apabila dilakukan secara bersama antara pengguna *mushaf* tipikal dengan pengguna *mushaf* al-Quran Braille, akan menghadapi cabaran dari sudut perbezaan muka surat, tanda-tanda waqf, beberapa pembahagian hizib, juzuk dan penandaan ayat yang disunatkan untuk sujud tilawah.

Dari perspektif pendidikan pula, penulisan *mushaf* al-Quran Braille yang tidak selaras dengan *mushaf* tipikal merupakan satu penafian terhadap peluang dan kemampuan OKU Penglihatan untuk memahami ilmu penulisan mashaf al-Quran seperti yang dinikmati oleh golongan tipikal.

## **Objektif Kajian**

Kajian ini dibuat bagi meneliti teks Mashaf al-Quran Braille Malaysia daripada aspek Rasm dan mengenalpasti statusnya.

## **Penerbitan Mashaf al-Quran Braille di Malaysia.**

Penghasilan al-Quran versi Braille merupakan salah satu alternatif bagi OKU masalah penglihatan untuk berinteraksi dengan al-Quran. Usaha pentranskripsian al-Quran ke dalam tulisan Braille telah dimulakan pada sekitar tahun 1950an di negara Palestin dan Jordan. Semenjak saat itu usaha murni tersebut terus berkembang ke pelosok dunia Islam yang lain. Di Malaysia, senario perkembangan al-Quran Braille yang dipelopori oleh Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) telah mendapat pengiktirafan di peringkat kebangsaan. Ini terbukti dengan penerbitan edisi al-Quran Braille yang pertama oleh pihak mereka yang diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) semenjak tahun 1999 (Noornajihan et al, 2022).

Pada 26 April 2022, JAKIM telah menerbitkan mashaf al-Quran Braille yang dijenamakan sebagai Mashaf al-Quran Braille Malaysia. al-Quran Mashaf al-Quran yang baru diterbitkan ini memansuhkan mashaf al-Quran Braille terbitan PERTIS yang

sebelumnya. Ini kerana, penerbitan mashaf yang terbaru ini menitik beratkan aspek keselarasan antara al-Quran Braille dengan al-Quran bercetak terbitan Mujamma Malik Fahd (*mushaf* Madinah).

Mulai tahun 2018 hingga tahun 2021, Kementerian Dalam Negeri (KDN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Persatuan Orang-orang Cacat Penglihatan Islam Malaysia (PERTIS) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah berkerjasama membangunkan satu standard untuk dijadikan garis panduan dalam penulisan al-Quran Braille. Objektif garis panduan ini adalah untuk menghasilkan penulisan al-Quran Braille yang sehampir mungkin dengan *mushaf* al-Quran bercetak *Rasm Uthmani* terbitan Mujamma' Malik Fahd, Arab Saudi.

Pada al-Quran Braille PERTIS edisi yang pertama, kod-kod Braille yang digunakan dalam penulisan *Rasm* al-Quran adalah berpandukan kod-kod yang digunakan oleh penerbit-penerbit al-Quran Braille dari negara-negara yang lain. Kod-kod Braille ini pula merujuk kepada kod-kod yang didokumentasikan dalam buku *World Braille Useage*. Namun begitu, setelah dianalisis teks *mushaf* Madinah, ternyata banyak kalimah dalam al-Quran Braille yang ditulis tanpa meraikan bentuk penulisan *Rasm Uthmani*. Bentuk penulisan *Rasm Uthmani* yang dimaksudkan adalah kaedah penulisan teks al-Quran yang mempunyai ciri-ciri:

1. Pembuangan huruf (*al-Hadhf*).
2. Penambahan huruf (*al-Ziyadah*).
3. Penukaran huruf (*al-Ibdal*).
4. Penulisan Hamzah (*al-Hamz*).
5. Penyambungan atau pemisahan antara kalimah-kalimah tertentu (*al-Fasl wa al-Wasl*).

Kelima-lima bentuk penulisan di atas adalah ciri khas penulisan *Rasm Uthmani* seperti yang dicatatkan oleh para ilmuan dalam bidang ilmu penulisan al-Quran (Abd. Rahman, 2019;

## Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah analisis teks dijalankan bagi meneliti dan mengenalpasti status *Rasm* yang digunakan dalam teks *Mashaf* al-Quran Braille Malaysia. Teks yang dikenalpasti dibandingkan dengan teks *mashaf* bercetak terbitan Mujamma' Malik Fahd, Arab Saudi atau lebih dikenali sebagai *mashaf* Madinah. Pemilihan *mashaf* ini dibuat adalah kerana ia merupakan *mashaf* standard yang digunakan di Malaysia di bawah kawal selia Kementerian Dalam Negeri Malaysia.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

Aplikasi Rasm Uthmani Pada Penulisan Mashaf al-Quran Braille Malaysia

Sebagai panduan asas bagi tujuan mengaplikasikan *Rasm ‘Uthmani* pada penulisan Mashaf al-Quran Braille Malaysia, penulisan kalimah-kalimahnya diselaraskan mengikut ciri-ciri *Rasm ‘Uthmani* iaitu dengan meraikan aspek *al-hadhf*, *al-ziyadah*, *al-ibdal*, *al-hamz* dan *al-fasl wa al-wasl* melainkan dalam situasi tertentu sahaja yang boleh menjelaskan ketepatan pembaca Braille. Penelitian terhadap kalimah-kalimah contoh bagi setiap kategori ciri-ciri *Rasm Uthmani*:

## 1. Pembuangan huruf (*al-Hadhf*)

- a. *Hadhf alif*. Contoh aplikasi pada kalimah:

Penulisan *hadhf alif* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)*.

Teks <i>mushaf</i> Madinah	وَالصَّفَّتِ
Teks MQBM	وَالصَّفَّتِ
Status Teks MQBM	<i>Rasm 'Uthmani</i>

- b. *Hadhf waw*. Contoh aplikasi pada kalimah:

Penulisan *hadhf waw* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)*.

Teks <i>mushaf</i> Madinah	دَأْوِدَ
Teks MQBM	دَأْوِدَ
Status Teks MQBM	<i>Rasm ‘Uthmani</i>

a. *Hadhf ya*. Contoh aplikasi pada kalimah:

Penulisan *hadhf ya* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)*.

## **2. Penambahan huruf (*al-Ziyadah*)**

a. *Ziyadah alif*. Contoh aplikasi pada kalimah:

Penulisan *ziyadah alif* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)*.

Teks <i>mushaf</i> Madinah	لِشَائِعٍ
Teks MQBM	لِشَائِعٍ
Status Teks MQBM	<i>Rasm 'Uthmani</i>

b. *Ziyadah waw*. Contoh aplikasi pada kalimah:

Penulisan *ziyadah waw* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)*.

Teks <i>mushaf</i> Madinah	سَأُورِيْكُمْ
Teks MQBM	بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ
Status Teks MQBM	<i>Rasm 'Uthmani</i>

a. *Ziyadah ya*. Contoh aplikasi pada kalimah:

Penulisan *ziyadah ya* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)*.

Teks <i>mushaf</i> Madinah	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Teks MQBM	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Status Teks MQBM	<i>Rasm 'Uthmani</i>

b. *Ziyadah nun*. Contoh aplikasi pada kalimah:

Penulisan *ziyadah nun* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)*.

Teks <i>mushaf</i> Madinah	ڻڄڻ
Teks MQBM	ڻڻڻڻڻڻڻ
Status Teks MQBM	Tidak <i>Rasm 'Uthmani</i>

Merujuk kepada Garis Panduan Penulisan Mashaf al-Quran Braille Malaysia, disebabkan keterbatasan sistem penulisan Braille yang tidak mampu menulis huruf kecil di atas huruf asal seperti yang diaplikasi dalam teks *mushaf* Quran Madinah, maka huruf *nun* kecil dalam kalimah di atas ditulis menggunakan kod bagi huruf *nun* sahaja iaitu titik 1,3,4,5.

### **3. Penukaran huruf (*al-Ibdal*)**

- a. Huruf *alif* yang ditukar kepada *waw*.

Perkataan-perkataan tersebut adalah:

Penulisan kalimah *ibdal alif* kepada *waw* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)*.

Surah / Ayat	Teks <i>mushaf</i> Madinah	Teks MQBM
Di mana-mana tempat dalam al-Quran	الْصَّلَاةُ	● ● ● ● ● ● ● ● ● ●
	الزَّكَوَةُ	● ● ● ● ● ● ● ● ● ●
	الْحَيَاةُ	● ● ● ● ● ● ● ● ● ●
	الرِّبَوْأ	● ● ● ● ● ● ● ● ● ●
(al-An'am 6: 52)	بِالْعَدَوَةِ	● ● ● ● ● ● ● ● ● ●
(al-Kahf 18: 28)	بِالْعَدَوَةِ	● ● ● ● ● ● ● ● ● ●
(al-Nur 24: 35)	كَمِشْكَوَةٍ	● ● ● ● ● ● ● ● ● ●
(Ghafir 40: 41)	النَّجَوَةُ	● ● ● ● ● ● ● ● ● ●
(al-Najm 53: 20)	وَمَنْوَةً	● ● ● ● ● ● ● ● ● ●
Status Teks MQBM		Tidak Rasm 'Uthmani

Berdasarkan Garis Panduan Penulisan Mashaf al-Quran Braille Malaysia, lapan perkataan yang ditulis dengan kaedah penukaran *alif* kepada *waw* dalam *mushaf* Madinah (*Rasm Uthmani*) dikecualikan daripada kaedah asal kerana huruf *waw* yang menggantikan *alif* dalam kalimah-kalimah ini sangat mengelirukan pembaca tulisan Braille. Ini disebabkan oleh kerana teknik pembacaan teks yang berbeza

antara pengguna deria penglihatan dengan pengguna deria sentuhan. Pengguna deria penglihatan dapat mengenal pasti sesuatu kalimah secara menyeluruh dalam satu pandangan yang merangkumi kesemua huruf pada kalimah tersebut, sedangkan pengguna deria sentuhan perlu menyentuh huruf secara satu persatu. Ini membuatkan pengguna deria sentuhan akan terkeliru dengan huruf *waw* yang wujud serta akan membunyikannya berdasarkan baris *alif* kecil yang terdapat pada huruf *waw* tersebut. Oleh itu, kalimah-kalimah ini perlu dieja dengan membuang huruf *waw* untuk mengelakkan kekeliruan terhadap pembaca tulisan Braille.

b. Huruf *sad* yang dibaca *sin*.

Aplikasinya adalah seperti berikut:

Penulisan huruf *sad* yang dibaca *sin* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)* dalam surah al-Baqarah ayat 245:

Teks <i>mushaf</i> Madinah	وَيَبْصُرُ
Teks MQBM	وَيَبْصُرُ
Status Teks MQBM	Tidak <i>Rasm ‘Uthmani</i>

Penulisan huruf *sad* yang dibaca *sin* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)* dalam surah al-A'raf ayat 69:

Teks <i>mushaf</i> Madinah	
Teks MQBM	
Status Teks MQBM	Tidak <i>Rasm 'Uthmani</i>

Dalam riwayat *Hafs*, terdapat dua kalimah di mana huruf *sad* dalam kalimah tersebut dibaca dengan huruf *sin*. Dua kalimah tersebut adalah kalimah dalam surah al-Baqarah ayat ke-245 dan kalimah dalam surah al-A'raf ayat ke-69. Merujuk kepada Garis Panduan Penulisan Mashaf al-Quran Braille Malaysia, disebabkan keterbatasan sistem penulisan Braille yang tidak mampu menulis huruf kecil di atas huruf asal seperti yang diaplikasi dalam teks *mushaf* Quran Madinah, maka salah satu daripada kedua huruf itu dipilih untuk dimasukkan ke dalam penulisan. Oleh itu, bagi huruf *sad* yang dibaca dengan bunyi huruf *sin* pada kedua-dua tempat ini ditulis dengan huruf *sin*.

Situasi yang berbeza apabila huruf *sin* berada di bawah huruf *sad*. Pada situasi ini bacaan dengan huruf *sad* adalah lebih diutamakan daripada bacaan dengan huruf *sin*, maka huruf *sad* dikenali kerana ia merupakan *Rasm Uthmani*.

#### **4. Penulisan Hamzah (*al-Hamz*)**

- a. Bagi huruf *hamzah* yang berada di awal kalimah, sekiranya *hamzah* tersebut berbaris *fathah* atau *dammah* ia diwakili oleh kod Braille titik 3,4.

Contoh aplikasi huruf *hamzah* berbaris *fathah*:

Penulisan huruf *hamzah* berbaris *fathah* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks *Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)*

Teks <i>mushaf</i> Madinah	أَمْرٌ
Teks MQBM	••••••••••
Status Teks MQBM	<i>Rasm 'Uthmani</i>

Contoh aplikasi huruf *hamzah* berbaris *dammah*:

Penulisan huruf *hamzah* berbaris *dammah* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)

Teks <i>mushaf</i> Madinah	أَنْزِلَ
Teks MQBM	اَنْزِلَ
Status Teks MQBM	<i>Rasm 'Uthmani</i>

- b. Bagi huruf *hamzah* yang berada di awal kalimah, sekiranya *hamzah* tersebut berbaris *kasrah* ia diwakili oleh kod Braille titik 4,6.

Contoh aplikasi huruf *hamzah* berbaris *kasrah*:

Penulisan huruf *hamzah* berbaris *kasrah* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)

Teks <i>mushaf</i> Madinah	إِيَّاكَ
Teks MQBM	ءِيَّاكَ
Status Teks MQBM	<i>Rasm 'Uthmani</i>

- c. Bagi huruf *Hamzah* berbaris di mana huruf sebelumnya bertanda *sukun*, huruf *hamzah* tersebut ditulis dengan kod Braille titik 3 iaitu yang mewakili huruf *hamzah* tanpa *alif* atau *waw* atau *ya*.

Contoh aplikasi huruf *hamzah* berbaris yang huruf sebelumnya bertanda *sukun*:

Penulisan huruf *hamzah* berbaris yang huruf sebelumnya bertanda *sukun* antara teks *mushaf* Madinah dengan teks Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MQBM)

Teks <i>mushaf</i> Madinah	مَسْعُوْلَة
Teks MQBM	مَسْعُوْلَة
Status Teks MQBM	<i>Rasm ‘Uthmani</i>

5. Penyambungan atau pemisahan antara kalimah-kalimah tertentu (*al-Fasl wa al-Wasl*)

Contoh aplikasi:

Penulisan *al-Fasl wa al-Wasl* antara teks *mushaf* Quran Braille PERTIS dengan *mushaf* Madinah.

Teks <i>mushaf</i> Madinah	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Teks MQBM	بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Status Teks MQBM	<i>Rasm 'Uthmani</i>

## Kesimpulan dan penutup

Secara keseluruhan, kajian ini berkisar tentang penelitian ke atas teks al-Quran Braille yang diterbitkan oleh JAKIM. Secara terperincinya, subjek kajian ini dipayungi oleh beberapa kata kunci yang utama iaitu *Rasm ‘Uthmani*, al-Quran Braille, mashaf dan penulisan al-Quran. Hasil daripada penelitian yang dibuat ke atas teks Mashaf al-Quran Braille Malaysia, dapat dibuat kesimpulan bahawa ciri-ciri *Rasm ‘Uthmani* telah diaplikasi pada kadar yang sesuai dengan tulisan Braille. Ini adalah selaras dengan pernyataan dalam Garis Panduan Penulisan Mashaf al-Quran Braille Malaysia yang mencatatkan bahawa ia dibangunkan dari aspek rasm yang sehampir mungkin dengan mashaf al-Quran bercetak (*Rasm ‘Uthmani*) dari aspek penggunaan huruf-huruf dan cara sambungan huruf-huruf tersebut bagi membentuk kalimah-kalimah al-Quran. Ia berpandukan mashaf al-Quran Malaysia mengikut kaedah garis panduan penulisan al-Quran Kementerian Dalam Negeri serta merujuk mashaf al-Quran cetakan Madinah. Walau bagaimanapun kaedah penulisan Rasm Imla’i turut diguna pakai apabila terdapat kekangan dan masalah dalam kaedah penulisan dan pembacaan al-Quran Braille ini.

Dengan teraplikasinya ciri-ciri *Rasm ‘Uthmani* pada teks al-Quran Braille maka ruang untuk golongan OKU Penglihatan untuk bersama-sama dengan komuniti tipikal dalam aktiviti yang melibatkan penggunaan mashaf dapat diperluaskan. Perkembangan ini juga membuka peluang kepada golongan istimewa ini untuk mendalami ilmu penulisan al-Quran serta memahami konsep pemeliharaan kalimah-kalimah al-Quran daripada sebarang perubahan seperti yang ditegaskan oleh Allah SWT dalam kalamNya:

وَاتْلُ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابٍ رَبِّكَ لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ وَلَنْ تَجِدَ مِنْ دُونِهِ مُلْتَحَدًا ٢٧

“Dan baca serta turutlah apa yang diwahyukan kepadamu dari kitab Tuhanmu; tiada sesiapa yang dapat mengubah kalimah-kalimahNya; dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat tempat perlindungan selain daripadaNya”.

(Al-Qur'an. Al-Kahf 18:27).

## Rujukan

- Abd. Rahman Abd. Ghani. (2019). *Manhaj Rasm Uthmani – Evolusi Penulisan al-Quran: Fakta dan Sejarah*. Telaga Biru Sdn. Bhd. Kuala Lumpur.
- Al-Hamad, Ghanim Qadduri. (2016). *Al-Muyassar Fī ‘Ilmī al-Muṣḥaf wa Dhābūh*. Ma‘had al-Imām al-Shatibiy. Saudi Arabia.
- Al-Kurdi, Muhammad Tahir bin ‘Abd al-Qadir al-Makkiy. (2008). *Tarikh al-Quran wa Gharaib Rasmihī wa Hukmih*. Dar Adwaa al-Salaf. Riyadh.
- Al-Sabuni, Muhammad Ali. (2011). *Al-Tibyan fi ‘Ulum al-Quran*. al-Bushra Publishers. Karachi.
- Al-Zarqani, Muhammad Abd al-`Azim. (1994). *Manahil al-`Irfan fi Ulum al-Qur'an*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi.
- Anisah Razali et. al, *Braille al-Quran: Sejarah dan Kaedah*. Tinta Artikulasi Membina Ummah 8(1), 2022 93-97, e-ISSN: 2289-960X
- Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran. (2021). *Garis Panduan Penulisan al-Quran Braille Standard Malaysia*. Kementerian Dalam Negeri Malaysia.
- Mashaf al-Quran Braille Malaysia* (2022). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Putrajaya.
- Mohd Nur Adzam Rasdi et. al. (2021). *Pembelajaran Tilawah Al-Quran Braille: Pengalaman Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI) USIM*. Proceedings of the 7 th International Conference on Quran as Foundation of Civilization (SWAT) 2021) FPQS, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohd Nur Adzam Rasdi et. al. 2021. *Implikasi Ketiadaan Sifir Mustadīr ke atas Pentilawahan Al-Quran Braille*. JQSS – Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs Vol. 5 June 2021, no. e-ISSN 2590-3799.
- Mohd Nur Adzam Rasdi. 2023. *Reconstructing Rasm and Dabt in Pertis Braille Quran Based on Mushaf Al-Madinah*. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Sains Islam Malaysia
- Mohd Rahim Jusoh. (2008). *Tarikh al-Quran & Rasm Uthmani*. Batu Caves, Selangor: Pustaka Khodim al-Mushaf.
- Mohd Yusuf Ahmad. (2013). *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Muhammad Bakr Ismail (1999), *Dirasat fi Ulum al-Quran*. Dar al-Manar.

Muhammad Mustaqim. (2014). *Braille al-Quran Sejarah dan Kaedah*. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.

*Mushaf al-Madinah al-Munawwarah*. (2021). Mujamma' al-Malik Fahd li Tiba'ah al-Mushaff al-Sharif. Al-Madinah al-Munawwarah.

Noornajihan Jaafar et al. (2022). Modul Pengajaran Mashaf al-Quran Braille Malaysia. Penerbit USIM.

Noornajihan Jaafar, Kauthar Abdul Kader. (2008). *Pengajaran Braille al-Quran di Malaysia*. Seminar Warisan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Norakyairee Mohd Raus & Ab. Halim Tamuri. (2011). Program Tilawah al-Quran di Masjid Bagi Golongan Bermasalah Penglihatan: Realiti dan Cabaran Semasa. *Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa*, 23-25 April 2011. IAIN ar-Raniry, Banda Aceh, Aceh.

Nuruddin 'Itr. (1993). *Ulum al-Quran al-Karim*. Damascus: Matba'ah al-Sabbah.

Siti A'isyah Sukaimi. (2022, 26 April). 25,000 OKU dapat manfaat Mashaf Al-Quran Braille. Utusan Malaysia. <https://www.utusan.com.my/nasional/2022/04/25000-oku-dapat-manfaat-mashaf-al-quran-braille/>

Siti A'isyah Sukaimi. (2022, 26 April). Mashaf Al-Quran Braille Malaysia penuhi keperluan OKU Penglihatan. KOSMO. <https://www.kosmo.com.my/2022/04/26/mashaf-al-quran-braille-malaysia-penuhi-keperluan-oku-penglihatan/>

*World Braille Usage* (2013). Third Edition. International Council on English Braille National Library Service for the Blind and Physically Handicapped, Library of Congress UNESCO, Washington, D.C.

Mohd Nur Adzam Rasdi (Corresponding author)  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.  
Email: [nuradzam@usim.edu.my](mailto:nuradzam@usim.edu.my)

Norakyairee Mohd Raus  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.  
Email: [norakyairee@usim.edu.my](mailto:norakyairee@usim.edu.my)

Noornajihan Jaafar  
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,  
Universiti Sains Islam Malaysia,  
Bandar Baru Nilai  
71800, Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA.  
Email: [noornajihan@usim.edu.my](mailto:noornajihan@usim.edu.my)